SAMPEL PERCUMA

Soalan Sebenar STPM 2018 Pengajian Am Semester 1

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

900/1(U1)
STPM 2017

No. kad pengenalan: .....

No. pusat/angka giliran: .....

900/1(U1) 2017 STPM
900/1 2018 PENGAJIAN AM

KERTAS 1 (ULANGAN PENGGAL 1) 2017 DAN KERTAS 1 2018

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **semua** *soalan dalam Bahagian A.*

Jawab **semua** *soalan dalam Bahagian B.*

Jawab **dua** *soalan sahaja dalam Bahagian C.*

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian B	
16	
17	
18	
19	
Bahagian C	
Jumlah	

© Majlis Peperiksaan Malaysia 2017

Bahagian A [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Yang manakah pernyataan yang benar tentang konsep *negara berdaulat*?

I Mempunyai identitinya tersendiri

II Mempunyai penduduk yang tetap

III Mempunyai institusi pemerintahan yang berkesan

IV Mempunyai hubungan diplomatik dengan kuasa luar

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

2 Yang manakah cara pindaan syarat-syarat kewarganegaraan Malaysia dapat dilaksanakan?

A Majoriti mudah Majlis Parlimen

B Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara

C Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong

D Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja

3

Encik *Z* lahir di Persekutuan selepas bulan September 1962 dan ibunya seorang pemastautin tetap.

Yang manakah cara Encik *Z* untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia?

A Kuat kuasa undang-undang

B Percantuman wilayah

C Pendaftaran

D Masukan

4 Yang manakah kes sivil yang dibicarakan di Mahkamah Syariah?

A Khalwat

B Mengamalkan ajaran sesat

C Tidak berpuasa pada bulan Ramadan

D Pembahagian atau tuntutan harta sepencarian

5 Undang-undang hanya boleh dikuatkuasakan oleh badan eksekutif setelah

A diluluskan oleh Majlis Parlimen

B disahkan oleh Badan Kehakiman

C diwartakan sebagai Warta Kerajaan

D diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong

6 Pilihan raya kecil perlu diadakan kerana

A rombakan kabinet

B kematian Setiausaha Dewan Negara

C kemuflisan Ahli Dewan Undangan Negeri

D perletakan jawatan Setiausaha Dewan Rakyat

7 Yang manakah yang menggambarkan sistem pemilihan kerajaan di Malaysia?

I Perlembagaan Persekutuan menentukan sistem pemilihan kerajaan.

II Ketua Negara menetapkan tarikh pemilihan kerajaan.

III Kerajaan dipilih oleh rakyat lima tahun sekali.

IV Perdana Menteri dipilih melalui pilihan raya.

A I dan III

B I dan IV

C II dan III

D II dan IV

8 Yang manakah ciri untuk memastikan tadbir urus baik dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam perkhidmatan awam?

I Proses kerja yang jelas

II Tahap keilmuan yang tinggi

III Keputusan dibuat berdasarkan budi bicara

IV Ketelusan dalam perkongsian maklumat dan prosedur kerja

A I dan III

B I dan IV

C II dan III

D II dan IV

9 Tadbir urus yang cekap bertujuan untuk

A meningkatkan keupayaan kerajaan melaksanakan dasar

B menambahkan sumber manusia berasaskan kelayakan

C mengekalkan kerenah birokrasi dalam prosedur kerja

D melaksanakan penguatkuasaan secara budi bicara

10
- Bayaran sewaan kuaters guru
- Bayaran denda kerana kesalahan lalu lintas

Penerimaan bayaran di atas dikategorikan sebagai

A hasil bukan cukai

B terimaan bukan hasil

C bayaran perkhidmatan

D hasil Wilayah Persekutuan

11
- Menjadi pemangkin perubahan dalam aspek penyampaian di sektor awam dan swasta
- Menyokong kementerian dalam proses perancangan penyampaian

Tugas di atas dilaksanakan oleh

A Unit Inovasi Khas

B Unit Kerjasama Awam Swasta

C Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan

D Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

12 Fungsi Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak ialah

A menyeragamkan pentadbiran

B menyelaraskan aktiviti ekonomi

C memudah cara pelaksanaan projek pembangunan

D meningkatkan kerjasama antara sektor awam dengan swasta

13 Yang manakah agensi yang bertanggungjawab untuk mengagihkan peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri mengikut panjang jalan raya dan bilangan penduduk?

A Perbendaharaan

B Majlis Kewangan Negara

C Pihak Berkuasa Tempatan

D Bahagian Kewangan Jabatan Perdana Menteri

14 Prestasi penyampaian agensi awam dapat ditingkatkan melalui

A peningkatan bilangan kakitangan

B pemudahcaraan proses dan prosedur kerja

C perwujudan jabatan dan agensi yang baharu

D pengurangan masa operasi penyampaian perkhidmatan

15 Yang manakah kesan kewujudan Pusat Transformasi Bandar dan Pusat Transformasi Luar Bandar?

A Kos operasi kerajaan dikurangkan

B Penswastaan perkhidmatan awam diperluas

C Waktu urusan di pejabat-pejabat kerajaan dipendekkan

D Urusan orang ramai dengan agensi awam dan swasta dipermudah

Bahagian B [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

16 Nyatakan **dua** hak rakyat Malaysia yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. [4]

(*a*) .....

.....

.....

(*b*) .....

.....

.....

17 Nyatakan **empat** fungsi kerajaan dalam mentadbir negara. [4]

(*a*) .....

(*b*) .....

(*c*) .....

(*d*) .....

18 Nyatakan **empat** prinsip tadbir urus baik. [4]

(*a*) .....

(*b*) .....

(*c*) .....

(*d*) .....

19 Senaraikan **tiga** kuasa Ketua Negara Malaysia dalam pentadbiran negara. [3]

(*a*) .....

(*b*) .....

(*c*) .....

.....

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

Bahagian C [50 *markah*]

Pilih **dua** *daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

20 Banyak faktor yang mengakibatkan kegiatan rasuah berlaku. Oleh itu, langkah-langkah tertentu perlu dilakukan untuk mengawal gejala ini daripada terus berkembang. Huraikan.

21 Terdapat pelbagai ancaman yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan Malaysia. Jelaskan.

22 Sistem persekolahan mampu memupuk perpaduan kaum di negara ini. Namun demikian, peranan pelbagai pihak lain tidak boleh diketepikan. Jelaskan.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar